

KUIM

mahu setanding IPTA lain

OLEH ZUARIDA MOHYIN
GAMBAR HALIM KHALID

INSTITUSI

SELEPAS lima tahun ditubuhkan sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-12, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kini semakin agresif meletakkan namanya sebaris dengan IPTA lain di negara ini.

Usaha itu penting bukan sahaja supaya KUIM dikenali tetapi juga meyakinkan masyarakat bahawa graduan yang dihasilkan adalah bermutu dan setanding dengan universiti tersohor di Malaysia.

Rektornya, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin berkata, beliau mahu masyarakat mengetahui, yakin dan menjadikan KUIM pilihan utama ibu bapa dan pelajar.

"Untuk dikenali dalam tempoh lima tahun pertama penubuhannya sebagai sebuah universiti adalah sesuatu yang sukar dilakukan. Pada saya ia tidaklah menjadi satu kebimbangan kerana apabila KUIM dapat melahirkan graduan yang baik, menyediakan program yang

tetapi ibu bapa masih beranggapan pengajian Islam yang terbaik ialah di Universiti al-Azhar, Mesir.

Abdul Shukor berkata, kalau pada tahun pertama KUIM terpaksa mencari pelajar tetapi alhamdulillah pada pemilihan kedua, sudah ada hampir 30 peratus yang menjadikan universiti ini sebagai pilihan pertama dalam bidang tertentu. Seterusnya pada pemilihan ketiga, peningkatan pada pilihan pertama adalah hampir 50 peratus.

Penawaran

Sehubungan itu, beliau yakin peningkatan kepercayaan ini akan wujud beransur-ansur apabila masyarakat semakin nampak penawaran kursus-kursus di KUIM, kaedah pengajaran dan yang paling penting semua program di KUIM diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kata Abdul Shukor, sebanyak 40 peratus yang mengambil ijazah lanjutan di KUIM terdiri daripada pelajar luar ne-



RUANG selesa One Stop Centre atau Pusat Setempat yang diwujudkan dengan matlamat menyediakan kemudahan dalam pelbagai urusan kepada pelajar dan pelanggan KUIM

perkenalkan universiti dengan melantik Pengarah Pusat Korporat dan Perhubungan Antarabangsa, Sapora Sipon bagi 'menjual' universiti itu melalui media massa serta tidak ketinggalan mengadakan *roadshow* dalam negara dan menyertai pameran akademik di luar negara.

Hakikatnya dalam tempoh lima tahun ini, banyak nostalgia yang dilalui KUIM terutamanya lokasi. Bermula dengan menggunakan kemudahan Fakulti Pengajian Islam UKM, kemudian pindah ke Institut Profesional Baitulmal, Kampung Pandan sebelum berpindah ke kompleks perniagaan di Pandan Indah, Ampang.

Penantian warga KUIM berakhir apa-

Perubatan dan Sains Kesihatan yang memang tidak akan berpindah dalam tempoh terdekat ini.

Setiap fakulti boleh menampung 2,000 pelajar tetapi disebabkan ada fakulti hanya mempunyai sekitar 800 pelajar, contohnya Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, maka ia turut menempatkan Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan Fakulti Sains dan Teknologi. Fakulti Syariah dan Undang-Undang pula dikongsi oleh Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Fakulti Pengajian Quran dan Sunah.

Pembangunan

Fasa pertama ini juga menyaksikan KUIM telah mencapai tahap 70 peratus

Membuka tirai 2006 ini, kata Abdul Shukor, pelbagai aspek merangkumi pembangunan akademik, staf dan masa depan KUIM dirancang untuk tempoh lima tahun akan datang.

“Pertama, membina imej atau membina kekuatan KUIM dari segi staf, bidang pengajian dan juga keterlibatannya di dalam dan luar negara. Lantaran itu, kita telah menekankan kepada penilaian program yang sedia ada. Menerusi cara ini, kita dapat melihat semula sama ada program-program yang ditawarkan KUIM relevan dengan pasaran, keperluan dan perkembangan semasa malah hal-hal menyentuh kurikulum, pendekatan dan cara penyampaian juga diambil kira.



DAIM SAIAN

Kajian terperinci

“Kedua, membina program-program akademik berdasarkan kepada kajian oleh universiti sendiri dan badan-badan lain. Ia bertanggungjawab meneliti serta membuat kajian terperinci dari aspek keperluan semasanya sebelum dikemukakan kepada pihak berkenaan dan seterusnya ditawarkan kepada umum,” katanya.

Selain menitikberatkan program akademik, KUIM turut melihat aspek pembangunan staf akademik. Menjelang 2010, KUIM menetapkan sekurang-kurangnya 70 peratus tenaga akademik memiliki Ph.D kecuali dalam bidang yang lebih kepada aspek kepakaran.

“Di samping itu, pembinaan imej juga dilakukan menerusi kerjasama dengan IPTA tempatan dan mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan beberapa pusat kecemerlangan di luar negara dan industri yang berkaitan dengan kursus di KUIM. Contohnya MoU dengan Persatuan Bank-bank Islam Sedunia yang berpusat di Bahrain dan Dubai, Malaysia Airports Berhad (MAB) dan Muslim College London,” kata beliau.

Di peringkat ASEAN, kerjasama turut diadakan menerusi program pertukaran pelajar dengan beberapa universiti. KUIM mahu menempatkan pelajar yang menerusi program pemindahan kredit dengan universiti yang relevan dengan program di KUIM sebagai satu usaha meletakkan universiti itu ke taraf antarabangsa.

Baru-baru ini, beberapa pelajar dihan-

tar ke Jordan, Australia dan Singapura di mana jam kredit kursus di sana akan diterima dan boleh dipindahkan.


“KUIM juga berusaha menyerlahkan imejnya dalam bidang penyelidikan dan penulisan. Ini terbukti dengan pelan-caran beberapa buah buku terbitan KUIM. Sehingga kini, tiga buah jurnal berjaya diterbitkan di peringkat universiti dan fakulti. Jurnal-jurnal ini dianggap bertaraf antarabangsa.

“Pembinaan imej ini akan lengkap dengan pembinaan sahsiah dan keunggulan pelajarnya. KUIM telah diamanahkan sebagai sekretariat Pendakwah Muda dan penubuhan *Smart Team*.

“Selain itu, atas permintaan Kementerian Pengajian Tinggi, KUIM berganding dengan Universiti Malaysia Sabah, mengendalikan kursus Program *Spada* (Special Program for Drug Addict) yang secara tidak langsung melahirkan individu yang benar-benar berpengetahuan dalam pengurusan dadah.

“Lebih membanggakan ialah Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK) meminta kami mengendalikan kursus jangka pendek bagi tenaga kerjanya. Pada prinsipnya ia telah dipersetujui dan akan dilaksanakan bermula Mac ini,” ujar Abdul Shukor.

Apa yang pasti, dalam lima tahun akan datang ini KUIM banyak menekankan aspek pembinaan imej dan memperkukuhkan *niche* supaya ia benar-benar dikenali sebagai sebuah universiti yang berwibawa.



LAKARAN artis bentuk bangunan Pentadbiran KUIM di Nilai, Negeri Sembilan.

Sementara itu, Pengarah Unit Pembangunan KUIM, Ir. Daim Saian menjelaskan, pembangunan infrastruktur di atas tanah seluas 188 hektar itu adalah dalam dua fasa iaitu Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) 2001-2005 dan Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9) 2006-2010. Sungguhpun kampus tetap itu sepatutnya siap pada Jun 2004 namun usaha memastikan kampus tersebut sempurna dalam erti kata sebenar akan diteruskan.

Sehingga kini hanya satu pertiga kemudahan disediakan iaitu Fakulti Syariah dan Undang-undang dan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

“Alhamdulillah pada 2005 kita telah mendapat peruntukan untuk membina beberapa bangunan tambahan dan juga kemudahan lain. Kesemua pembinaan ini akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun ini,” katanya yang berharap mendapat peruntukan yang mencukupi iaitu sekitar RM300 juta dalam RMK-9 bagi menyambung kerja-kerja yang tergendala sebelum ini.

“Keunikan seni bina di KUIM ialah susunan bangunannya menghadap kiblat serta konsep asalnya adalah diadaptasi daripada al-Hamrah di Sepanyol di mana ada aliran air serta pancuran air. Walau bagaimanapun, tumpuan lebih akan diberikan kepada bangunan pentadbiran kerana ia dianggap mercu tanda KUIM,” katanya.



SUNGGUHPUN bidang akademik adalah prioriti kepada pelajar KUIM namun segelintir mereka juga cemerlang dalam bidang sukan.

baik, prasarana yang cukup dan sebagainya, saya yakin dalam masa yang terdekat nama KUIM akan dikenali dan diyakini.

"Berdasarkan pengalaman saya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebelum ini, tempoh lima tahun masih dalam kategori ter-tanya-tanya dari segi statusnya, sama ada swasta atau kerajaan atau adakah ia adalah cawangan daripada mana-mana universiti," katanya.

Walaupun pada masa itu UKM mempunyai Fakulti Pengajian Islamnya

ra. Tahun lalu seorang pelajar asing menamatkan pengajian dalam ijazah sarjana dan tahun ini KUIM dijangka melahirkan graduan sulung doktor falsafah (Ph.D) dari Arab Saudi.

Dalam program ijazah pertama, KUIM menerima pelajar dari Singapura, Thailand dan Brunei serta permohonan dari negara-negara Afrika. Bagaimanapun, KUIM tidak dapat menerima jumlah penuntut yang ramai kerana terhad dari segi kemampuan tenaga akademik dan kemudahan fizikal serta prasarananya. Tambahan pula KUIM hanya membenarkan mengambil lima peratus pelajar-pelajar luar daripada keseluruhan bilangan pelajar.

KUIM juga sedang berusaha mem-

bila pada 16 Mei 2005 menjadi detik keramat memuktamadkan perpindahan secara berperingkat ke kampus tetapnya di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

"Lima tahun pertama kita anggap masa mengasaskan KUIM baik dari segi kakitangan, akademik dan pembangunan prasarana. Sungguhpun tidak semua yang dirancang berjalan lancar namun kita bersyukur dengan sokongan semua pihak terutama kerajaan yang telah memberi peluang kepada KUIM untuk berkembang dan menyediakan asas-asas yang penting bagi sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan keislaman," jelasnya.

Pada masa ini sebanyak enam fakulti dengan 13 program sudah diwujudkan di Nilai termasuk pusat tahfidi (matrikulasi) kecuali Fakulti

dari segi pembangunan staf dengan menghantar kakitangan akademik dan tutornya ke dalam dan luar negara untuk kursus lanjutan dan kepakaran.

Malah akui Abdul Shukor, meskipun pembangunan dari segi fizikal belum selesai namun umumnya KUIM boleh beroperasi dengan baik.

"Kita menjangkakan pada penghujung tahun ini insya-Allah proses melengkapkan prasarana akan siap mengikut perancangan," katanya.

Menyedari persekitaran KUIM yang dikelilingi institusi pengajian swasta lain, maka kerjasama dalam pelbagai bidang mampu memberi peluang kepada para pelajar meluaskan interaksi mereka.

Begitu juga dari segi pembangunan staf pentadbiran dan sokongan yang sentiasa mengadakan kerjasama dengan kolej-kolej swasta dan badan-badan korporat dan industri untuk menempatkan kakitangan secara *attachment* untuk bertukar-tukar pengalaman dan sebagainya.



ABDUL SHUKOR HUSIN



FAKULTI Kepimpinan dan Pengurusan yang turut menempatkan Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan Fakulti Sains dan Teknologi KUIM.